



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA  
UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 5/2024**

**KDNK Malaysia pada Suku Tahun Pertama 2024 Meningkat 4.2 peratus,  
Dipacu oleh Permintaan Domestik yang Kukuh**

**PUTRAJAYA, 31 Mei 2024** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 5/2024**. Edisi ini memfokuskan statistik terkini yang diterbitkan bagi Mac 2024 dan suku tahun pertama 2024 berserta sebahagian statistik bagi bulan April 2024 akan datang. Selain itu, edisi ini juga dilengkapi dengan artikel bertajuk “Kesan Perubahan Tarif Elektrik Terhadap Sektor Ekonomi Malaysia” yang mengkaji kesan kenaikan kadar elektrik sebanyak lima peratus terhadap sektor ekonomi di Malaysia dengan menggunakan pendekatan model Input-Output.

Melihat keadaan semasa ekonomi global, Bank Pembangunan Asia (ADB) melalui keluarannya pada April 2024 melaporkan prospek ekonomi kekal kukuh bagi rantau Asia dan Pasifik selepas pemulihan pasca-pandemik dengan pertumbuhan diunjurkan sebanyak 4.9 peratus bagi tahun 2024 dan 2025. Pertumbuhan rantau tersebut akan didorong oleh permintaan domestik yang kukuh terutamanya di Asia Selatan dan Tenggara meskipun penyusutan berlaku di Republik Rakyat China.

Menelusuri prestasi ekonomi Malaysia, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Ekonomi negara berkembang 4.2 peratus pada suku tahun pertama 2024, meningkat daripada 2.9 peratus pada suku tahun sebelumnya, didorong oleh peningkatan penggunaan isi rumah dan pemulihan eksport berikutan permintaan luaran yang lebih tinggi. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia disokong oleh pasaran buruh yang stabil, kadar pengangguran yang rendah dan peningkatan kedatangan pelancong yang mana meningkatkan aktiviti berkaitan pelancongan, juga perbelanjaan modal yang lebih tinggi daripada kedua-dua sektor swasta dan awam. KDNK pelarasan musim meningkat 1.4 peratus suku tahun ke suku tahun, dengan kadar pertumbuhan bulanan meningkat 4.8 peratus pada Januari, 5.0 peratus pada Februari, dan perlahan kepada 2.9 peratus pada Mac 2024."

Beralih kepada imbalan pembayaran, Imbalan Akaun Semasa (CAB) Malaysia pada suku tahun pertama 2024 merekodkan RM16.2 bilion, berbanding RM10.8 bilion pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Lebihan yang lebih tinggi ini didorong oleh eksport bersih akaun Barang. Dari segi pelaburan, Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM5.5 bilion berbanding RM9.2 bilion pada ST1 2023. Sementara itu, Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM11.5 bilion berbanding RM6.3 bilion pada ST1 2023.

Meninjau prestasi sektor luaran iaitu perdagangan barang Malaysia pada suku tahun pertama 2024, jumlah dagangan kembali pulih untuk mencatatkan peningkatan 7.1 peratus tahun ke tahun selepas penurunan tiga suku tahun berturut-turut. Eksport dan import bertambah baik berbanding ST1 2023 masing-masing mencatatkan 2.2 peratus dan 13.1 peratus, manakala lebihan dagangan menyusut 46.8 peratus. Prestasi perdagangan pada Mac 2024 meningkat 5.1 peratus daripada RM232.6 bilion pada bulan yang sama tahun lalu kepada RM244.5 bilion, dipacu oleh peningkatan dua digit dalam import (+12.5%), walaupun eksport menyusut 0.8 peratus. Lebihan dagangan pada Mac 2024 merosot 52.0 peratus daripada tahun sebelumnya kepada RM12.8 bilion. Pada April 2024, jumlah dagangan tumbuh 12.1 peratus, dengan eksport pulih sebanyak 9.1 peratus dan import meningkat 15.6 peratus, manakala imbalan dagangan menurun 39.0 peratus tahun ke tahun.

Melihat prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia pada Mac 2024, IPP kekal positif dengan pertumbuhan 2.4 peratus tahun ke tahun iaitu menyederhana daripada 3.1 peratus pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan ini diterajui oleh sektor Pembuatan yang berkembang 1.3 peratus, meningkat daripada 1.2 peratus pada Februari 2024. Selain itu, sektor Perlombongan dan Elektrik masing-masing meningkat sebanyak 4.9 peratus dan 7.8 peratus. IPP terus meningkat secara signifikan pada suku tahun pertama 2024 iaitu sebanyak 3.3 peratus tahun ke tahun. Dari segi nilai jualan, sektor Pembuatan meningkat 1.4 peratus pada Mac 2024, terus merekodkan trend positif tahun ke tahun untuk bulan ketiga berturut-turut dan mencapai RM158.4 bilion. Pertumbuhan tersebut didorong terutamanya oleh subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (9.6%); Kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (3.4%); dan Peralatan elektrik & elektronik (2.3%). Bagi suku tahun pertama 2024, nilai jualan sektor ini pulih kepada 1.8 peratus, berjumlah RM457.3 bilion.

Meneliti sektor Perkhidmatan Malaysia pada suku tahun pertama 2024, sektor ini mencatatkan pertumbuhan tahunan 6.1 peratus dengan hasil sebanyak RM594.5 bilion. Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 4.5 peratus kepada 150.4 mata pada suku tahun ini. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang berkembang 5.4 peratus tahun ke tahun kepada

RM451.6 bilion berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Indeks Volum Perkhidmatan mencatatkan kenaikan 4.0 peratus kepada 150.2 mata pada suku tahun berkenaan.

Melihat kepada harga, kadar inflasi Malaysia kekal 1.8 peratus pada Mac 2024 dengan mata indeks direkodkan pada 132.2 berbanding 129.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dipengaruhi terutamanya oleh peningkatan dalam Perkhidmatan Restoran & Penginapan, 3.0 peratus; Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 3.0 peratus dan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barang & Perkhidmatan, 2.6 peratus. Inflasi pada suku tahun pertama 2024 meningkat 1.7 peratus tahun ke tahun berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Pada April 2024, inflasi kekal pada 1.8 peratus selama tiga bulan berturut-turut dengan mata indeks dicatatkan pada 132.4 berbanding 130.0 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat 1.6 peratus pada Mac 2024 berbanding 0.3 peratus pada Februari 2024. Peningkatan ini disumbang oleh semua sektor, dengan pengembangan dalam Perlombongan (8.3%), Pertanian, perhutanan & perikanan (5.5%), Pembuatan (0.6%), Bekalan elektrik & gas (0.1%) dan Bekalan air (6.0%). Pada suku tahun pertama 2024, IHPR bagi pengeluaran tempatan meningkat 0.4 peratus berbanding negatif 1.0 peratus pada ST4 2023. IHPR terus meningkat sebanyak 1.9 peratus pada April 2024.

Landskap buruh Malaysia menunjukkan kadar pengangguran kekal pada 3.3 peratus pada suku tahun pertama 2024 seperti yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya. Bilangan penganggur menurun 4.4 peratus pada suku tahun tersebut. Penurunan ini didorong oleh pertumbuhan guna tenaga yang berterusan, yang meningkat 2.1 peratus tahun ke tahun, dengan mengekalkan kadar penyertaan tenaga buruh yang tinggi sebanyak 70.2 peratus. Sementara itu, Malaysia merekodkan pertumbuhan positif dalam penawaran buruh pada suku tahun pertama 2024 selari dengan bilangan penduduk bekerja yang terus meningkat 0.3 peratus (+54.5 ribu orang) suku tahun ke suku tahun kepada 16.4 juta orang (ST4 2023: 16.35 juta orang). Oleh itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 0.1 mata peratus kepada 67.9 peratus (ST4 2023: 67.8%).

Merumuskan kenyataannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata "Indeks Pelopor (IP) Malaysia mengekalkan trend positif selama empat bulan berturut-turut, meningkat 2.3 peratus pada Mac 2024 kepada 112.2 mata, sebahagian besarnya disokong oleh Indeks Perusahaan Bursa Malaysia. Namun begitu, perubahan bulanan IP menyusut 0.5 peratus berikutan penurunan dalam Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan, tetapi prestasi konsisten IP yang melebihi 100 mata menunjukkan prospek ekonomi yang positif didorong oleh penggunaan swasta yang kukuh dan pemulihan perdagangan luar negeri."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
31 MEI 2024**



**MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT  
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 5/2024**

***Malaysia's First Quarter 2024 GDP Growth Accelerates to 4.2 per cent,  
Boosted by Strong Domestic Demand***

**PUTRAJAYA, 31st May 2024** – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 5/2024**. This edition focuses on the recent statistics released in March 2024 and the first quarter of 2024 with some forthcoming statistics for April 2024. Additionally, this version includes a supplemental article entitled "The Impact of Electricity Tariff Changes on the Malaysian Economic Sector", which analyses the effect of a five per cent increase in the electricity rate on the economic sector in Malaysia using the Input-Output model approach.

Assessing the current state of the global economy, Asian Development Bank (ADB) through its April 2024 release, reported that economic outlook remains robust for Asia and the Pacific region as the post-pandemic recovery progresses, forecasting growth of 4.9 per cent for the year 2024 and 2025. The region's growth will be driven by strong domestic demand particularly in South and Southeast Asia despite a deceleration in the People's Republic of China.

Focusing on Malaysia's economic performance, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The nation's economy grew by 4.2 per cent in the first quarter of 2024, up from 2.9 per cent in the previous quarter, driven by increased household consumption and a rebound in exports due to higher external demand. Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) growth was supported by a stable labour market, low unemployment and a rise in tourist arrivals, which boosted tourism-related activities, along with higher capital spending from both private and public sectors. Seasonally adjusted GDP increased by 1.4 per cent quarter-on-quarter, with monthly growth rates of 4.8 per cent in January, 5.0 per cent in February, and an easing 2.9 per cent in March 2024."

Turning to the balance of payments, Malaysia's Current Account Balance (CAB) in the first quarter of 2024 recorded RM16.2 billion, as against RM10.8 billion in the same quarter of the previous year. This higher surplus was driven by net exports of Goods account. On the investment side, Malaysia's Foreign Direct Investment (FDI) posted a

*lower net inflow of RM5.5 billion as compared to RM9.2 billion in Q1 2023. Meanwhile, Direct Investment Abroad (DIA) registered a higher net outflow of RM11.5 billion as against RM6.3 billion in Q1 2023.*

*Concerning the external sector, Malaysia's merchandise trade in the first quarter of 2024, total trade turned around to note an increase of 7.1 per cent year-on-year (y-o-y) after three consecutive quarters of decline. Exports and imports improved as compared to Q1 2023 by 2.2 per cent and 13.1 per cent, respectively, while trade surplus decreased by 46.8 per cent. The trade performance in March 2024, increased 5.1 per cent from RM232.6 billion in the same month last year to RM244.5 billion, driven by a double-digit increase in imports (+12.5%), despite a 0.8 per cent decline in exports. The trade surplus for March 2024 decreased 52.0 per cent from the previous year to RM12.8 billion. In April 2024, total trade grew by 12.1 per cent, with exports rebounding by 9.1 per cent and imports rising by 15.6 per cent, while trade balance declined 39.0 per cent year-on-year.*

*In view of the performance of Malaysia's Industrial Production Index (IPI) in March 2024, IPI remained positive with 2.4 per cent year-on-year growth, moderated from 3.1 per cent the previous month. This growth was led by the Manufacturing sector, which expanded by 1.3 per cent, up from 1.2 per cent in February 2024. Additionally, the Mining and Electricity sectors grew by 4.9 per cent and 7.8 per cent, respectively. The IPI further improved significantly in the first quarter of 2024 by 3.3 per cent year-on-year. In terms of sales value, the Manufacturing sector rose by 1.4 per cent in March 2024, continuing a positive year-on-year trend for the third consecutive month and reaching RM158.4 billion. This growth was primarily driven by the sub-sectors of Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (9.6%); Wood, furniture, paper products & printing (3.4%); and Electrical & electronics products (2.3%). For the first quarter of 2024, the sector's sales value rebounded to a 1.8 per cent increase, totalling RM457.3 billion.*

*Examining Malaysia's Services sector in the first quarter of 2024, the sector recorded an annual growth of 6.1 per cent with a revenue of RM594.5 billion. This growth was contributed by the Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage and Accommodation expanded by 5.4 per cent year-on-year to RM451.6 billion as against the same quarter last year. The Services Volume Index rose 4.5 per cent to 150.4 points in this quarter.*

*Looking at the prices, Malaysia's inflation rate remained 1.8 per cent in March 2024 with the index points recorded at 132.2 as against 129.9 in the same month of the previous year. This growth was mainly influenced by increases in Restaurant & Accommodation Services, 3.0 per cent; Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels, 3.0 per cent and Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services, 2.6 per cent. The first quarter 2024 inflation increased to 1.7 per cent year-on-year as compared to the same quarter of the preceding year. As for April 2024, the inflation remained at 1.8 per cent for three consecutive months with the index points recorded at 132.4 as against 130.0 in the same month of the previous year. The annual Producer Price Index (PPI) increased by 1.6 per cent in March 2024 as compared to 0.3 per cent in February*

2024. The rise was contributed by all sectors, with inclines in Mining (8.3%), Agriculture, forestry & fishing (5.5%), Manufacturing (0.6%), Electricity & gas supply (0.1%) and Water supply (6.0%). In the first quarter of 2024, PPI for local production increased by 0.4 per cent as compared to a negative 1.0 per cent in Q4 2023. The PPI further edged up by 1.9 per cent in April 2024.

Malaysia's labour landscape showed that the unemployment rate remained at 3.3 per cent as recorded in the prior month. The number of unemployed declined by 4.4 per cent during the quarter. The decrease was driven by continued employment growth, which rose by 2.1 per cent year-on-year, while maintaining a high labour force participation rate of 70.2 per cent. Meanwhile, Malaysia recorded a positive growth in labour supply in the first quarter of 2024 as the number of employed persons further increased by 0.3 per cent (+54.5 thousand persons) quarter-on-quarter to register 16.4 million persons (Q4 2023: 16.35 million persons). Subsequently, the employment-to-population ratio increased by 0.1 percentage points to 67.9 per cent (Q4 2023: 67.8%).

In his concluding remarks, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's Leading Index (LI) maintained a positive trend for four consecutive months, growing 2.3 per cent in March 2024 to 112.2 points, largely supported by the Bursa Malaysia Industrial Index. Despite this, the monthly change of LI dropped by 0.5 per cent due to a decline in the Number of Housing Units Approved, but the LI's consistent performance above 100 points indicates a positive economic outlook driven by strong private consumption and external trade recovery."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life. DOSM commemorates its 75<sup>th</sup> Diamond Jubilee in 2024"

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
31<sup>st</sup> May 2024**